

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah jenis bantuan segera yang boleh diberikan kepada golongan miskin yang terpaksa melalui proses pembedahan atau rawatan di hospital Kerajaan. Apakah syarat-syarat dan jumlah bantuan diberikan sekiranya Kementerian ada memberi bantuan segera tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab membantu keluarga yang berpendapatan rendah serta mereka yang memerlukan, termasuklah mereka yang mempunyai masalah kesihatan.

Bagi golongan miskin yang terpaksa melalui proses pembedahan atau rawatan di hospital Kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan bantuan segera dengan jumlah maksimum tidak melebihi RM300 di bawah peruntukan Tabung Bantuan Segera Persekutuan. Syarat pemberian bantuan segera di atas adalah:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Pendapatan isirumah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;

- iii) Pemohon yang sangat memerlukan bantuan segera dan tidak boleh menunggu proses permohonan bantuan biasa kerana keadaan keperluan asas kehidupan hariannya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, utiliti, kesihatan dan lain-lain yang perlu ditangani dengan segera sebelum kes tersebut dibuat siasatan lanjut ke rumah;
- iv) Sekiranya pemohon layak untuk dipertimbangkan bantuan bulanan, proses permohonan bantuan akan dijalankan;
- v) Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai atau barangan makanan atau kedua-duanya dengan jumlah maksimum tidak melebihi RM300;
- vi) Bantuan hanya layak diberikan sekali sahaja; dan
- vii) Bantuan ini tidak boleh dipertimbangkan untuk pembelian alat tiruan / sokongan dan kes bencana.

Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga ada menyediakan bantuan bagi golongan miskin yang terpaksa melalui proses pembedahan

atau rawatan di hospital Kerajaan, iaitu menggunakan peruntukan daripada Tabung Bantuan Perubatan.